

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Bab ini merupakan pengenalan bagi keseluruhan perbincangan dalam kajian ini. Ia akan memaparkan latarbelakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian, tinjauan kajian lepas serta susunan penulisan bagi disertasi ini.

### **1.1 LATARBELAKANG MASALAH**

Agama merupakan asas yang penting di dalam kehidupan seseorang. Sejarah dan realiti kehidupan manusia membuktikan terdapat pelbagai agama yang dianuti oleh manusia di dunia ini. Namun, dengan pengutusan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai rasul terakhir yang membawa syariat Islam kepada keseluruhan umat telah memansuhkan kesemua agama terdahulu.<sup>1</sup> Agama Islam sebagai *al-Dīn* berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud 'tunduk' dan 'patuh'. Tunduk bermaksud menerima arahan-arahan Allah SWT dan patuh pula ialah melakukan perintah-perintah Allah SWT dengan menyerahkan diri kepada-Nya. Islam juga bermaksud 'selamat' dan 'sejahtera'.<sup>2</sup> Tunduk dan patuh kepada Allah SWT akan menjadikan seseorang Islam selamat dan sejahtera. Seseorang Islam yang tunduk dan patuh kepada segala perintah dan arahan Allah SWT walaupun di timpa musibah atau dugaan akan tetap berasa selamat dan sejahtera dan seterusnya sentiasa bersyukur kepada kehendak Allah SWT. Seorang Muslim akan sentiasa percaya tentang adanya nikmat di sebalik musibah yang menimpa dirinya dengan bersabar dan

---

<sup>1</sup> Sayyid Abul A'la Mawdudi (1991), *Let Us Be Muslim*, Khurram Murad (ed.), Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm. 47.

<sup>2</sup> Amatullah Armstrong (1995), *Sufi Terminology*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. 92.

bersyukur terhadap yang Maha Esa.<sup>3</sup> Selain daripada manusia semua ciptaan Allah SWT seperti matahari, bulan, bintang, lautan dan segala cakerawala tetap tunduk dan patuh terhadap perintah Allah SWT dan melaksanakan segala perintah Allah SWT secara teratur, tepat dan betul.<sup>4</sup>

Memang tidak dapat dinafikan pegangan dan ajaran agama Islam kini semakin berkembang di seluruh dunia dan ramai yang sedar akan kebenaran dan kehebatannya, lantas memeluk agama Islam. Dari itu lahirlah ungkapan Saudara Baru<sup>5</sup> atau dengan kata lain mualaf<sup>6</sup>. Saudara Baru ini adalah masyarakat yang dimuliakan oleh Allah SWT. Mereka diibaratkan seperti seorang bayi yang baru lahir iaitu yang suci dan bersih daripada dosa. Terdapat beberapa ayat dalam al-Qur'an yang menerangkan atau menyentuh berkaitan dengan Saudara Baru, di antaranya adalah seperti berikut:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا  
الْإِيمَانُ وَلَكِن جَعَلْنَاهُ نُورًا نَّهْدِي بِهِ مَن نَّشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ  
لَتَهْدَى إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

<sup>3</sup> Abul Hasan Ali Nadwi (1987), *The Four Pillars of Islam*, Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications, hlm. 21-22.

<sup>4</sup> Zulkiple Abd. Ghani et al. (2008), *Sistem Dan Modul Pengajaran & Pembelajaran Saudara Muslim*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 4.

<sup>5</sup> Merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk kepada orang baru memeluk agama Islam dan mula digunakan di Malaysia pada tahun 1970an. Lihat Azahar bin Yaakub @Ariffin (2000), "Murtaf di Kalangan Saudara Baru Keturunan India: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur", Disertasi Sarjana Usuluddin yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 40.

<sup>6</sup> Suatu nama atau gelaran yang diberikan kepada orang yang baru memeluk Islam berdasarkan ayat al-Quran, iaitu ayat 60 dari surah al-Taubah.

Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) - Al-Qur'an sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah kami; Engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (Al-Qur'an) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan Al-Qur'an: cahaya Yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa Yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba kami. dan Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan al-Qur'an itu ke jalan yang lurus.

(Surah al-Shura 42:52)

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ  
يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ  
كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya ia **melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam**; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

(Surah al-An'am 6:125)

أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِنْ رَبِّهِ فَوَيْلٌ  
لِلْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ مَنْ ذَكَرَ اللَّهَ أَوْلَتْكَ فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿٢٢﴾

Jika demikian, adakah orang yang telah **dilapangkan Allah dadanya untuk menerima Islam**, lalu ia tetap berada dalam cahaya (hidayah petunjuk) dari Tuhannya, (sama seperti orang yang tertutup mata hatinya Dengan selaput kederhakaan)? Maka kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang keras

membantu hatinya daripada menerima peringatan yang diberi oleh Allah. Mereka yang demikian keadaannya, adalah dalam kesesatan yang nyata.

(Surah al- Zumar 39:22)

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا  
وَالْمُؤَلَّفَةِ فُلُوقِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang **muallaf yang dijinakkan hatinya**, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) Dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Taubah 9:60)

Zulkifli Mohd Yusoff menghuraikan mengenai istilah muallaf ini dengan menyatakan para pakar sarjana mulim telah membahagikan mereka kepada beberapa golongan. Golongan pertama ialah orang yang baru memeluk agama Islam dengan bertukar daripada akidah atau kepercayaan asal mereka. Manakala bagi golongan kedua, Ibn Kathir telah menjelaskan bahawa muallaf tidak semestinya mereka yang baru

memeluk agama Islam, malah ia juga bermaksud orang-orang kafir yang dijinakkan hati-hati mereka kepada Islam.<sup>7</sup>

Dalam konteks kajian ini, mualaf atau Saudara Baru yang dibincangkan merujuk kepada golongan yang baru memeluk agama Islam. Oleh itu, dengan mengikrarkan dua kalimah syahadah, seseorang Muslim perlu memantapkan diri untuk menjadikan hanya Allah SWT sebagai tujuan, motivasi, dan jalan hidupnya. Di samping menunjukkan pengakuan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah utusan Allah dengan meyakini ajaranNya sebagaimana yang disampaikan melalui Nabi-Nya itu.<sup>8</sup> Malahan, Islam amat menitik beratkan kesempurnaan syahadah yang menentukan sah atau terbatalnya syahadah tersebut. Syarat syahadah yang perlu disempurnakan ada tujuh iaitu: pertama: pengetahuan<sup>9</sup>, kedua: keyakinan,<sup>10</sup> ketiga: keikhlasan,<sup>11</sup> keempat: kejujuran,<sup>12</sup> kelima: kecintaan,<sup>13</sup> keenam: penerimaan<sup>14</sup> dan ketujuh: ketundukan<sup>15</sup>.

---

<sup>7</sup> Zulkifli Mohd Yusoff (2011), *Tafsir: Ayat Ahkam: Huraian Hukum-hukum Dalam al-Qur'an*, Selangor: PTS Darul Furqan, hlm. 234.

<sup>8</sup> Sayyid Abu A'la Maududi (1991), *op.cit.*, hlm. 49.

<sup>9</sup> Seseorang yang bersyahadat hendaklah memiliki pengetahuan tentang syahadatnya. Dia wajib memahami isi dari dua kalimat yang dia nyatakan itu, serta bersedia menerima konsekuensi ucapannya. *Ibid.*, hlm. 89.

<sup>10</sup> Seseorang yang bersyahadat mesti mengetahui dengan sempurna makna dari syahadatnya itu tanpa sedikitpun keraguan terhadap makna tersebut. *Ibid.*, hlm. 88.

<sup>11</sup> Ikhlas bererti bersihnya hati dari segala sesuatu yang bertentangan dengan makna syahadat. Ucapan syahadat yang bercampur dengan tidak ikhlas atau kecenderungan tertentu tidak akan diterima oleh Allah SWT. Temubual dengan kakitangan JAWI, Ustaz Md. Tahir Bin Yusoff pada 10.3.2010 jam 3.00pm di Jawi, Kuala Lumpur.

<sup>12</sup> Kejujuran adalah kesesuaian antara ucapan dan perbuatan. Pernyataan syahadat harus dinyatakan dengan lisan, diyakini dalam hati, lalu dipraktikkan dalam amal perbuatan. Sayyid Abu A'la Maududi (1991), *op.cit.*, hlm. 111.

<sup>13</sup> Kecintaan bererti mencintai Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman. Cinta juga harus disertai dengan amarah iaitu kemarahan terhadap segala sesuatu yang bertentangan dengan syahadat, atau dengan kata lain, semua ilmu dan amal yang menyalahi sunnah Rasulullah s.a.w. *Ibid.*, hlm. 80.

<sup>14</sup> Penerimaan bererti penerimaan hati terhadap segala sesuatu yang datang daripada Allah dan RasulNya. Dan hal ini harus membuahkan ketaatan dan ibadah kepada Allah SWT, dengan jalan meyakini bahawa tidak ada yang dapat menunjuki dan menyelamatkannya kecuali ajaran yang datang dari syariat Islam. Ertinya, bagi seorang muslim tidak ada pilihan lain kecuali al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. *Ibid.*, hlm. 116.

Apabila sahaja seseorang itu mengambil keputusan untuk memeluk Islam, bermakna di situ sudah ada cabaran untuknya seperti yang telah dirasai oleh orang-orang terdahulu. Cabarannya menjadi lebih besar apabila gambaran Islam di kalangan orang bukan Islam itu tidak berapa elok. Lantaran itu sesiapa bergelar Saudara Baru perlulah bersedia untuk menghadapinya. Pertama dengan diri sendiri; kedua, dengan keluarga dan seterusnya dengan masyarakat sekeliling.<sup>16</sup> Orang yang memeluk Islam ini terbahagi kepada beberapa kumpulan. Pertama orang yang memahami Islam dan menerimanya secara ikhlas dan yang kedua mereka yang menerima Islam secara berpura-pura atau tidak ikhlas, manakala yang ketiga adalah orang-orang yang menerima Islam dalam keadaan yang tidak begitu bersedia.<sup>17</sup>

Jika dibandingkan dengan agama-agama lain yang terdapat di dunia ini, Islam adalah agama samawi yang diturunkan oleh Allah SWT dari langit melalui perutusan para rasul- Nya dan paling suci serta dijamin kebenarannya di mana agama ini menjamin kehidupan yang sempurna di dunia dan akhirat.<sup>18</sup> Walaupun terdapat pelbagai agama lain di dunia ini seperti agama Kristian, Yahudi, Nasrani, Hindu, Bahai, Konfusiunisme, Taoisme dan Buddha, namun kehebatan dan kebenaran agama Islam tidak dapat ditandingi oleh mana-mana agama yang lain dari segi kebenarannya. Agama Islam

---

<sup>15</sup> Ketundukan iaitu tunduk dan menyerahkan diri kepada Allah dan RasulNya secara lahiriyah. Ertinya, seseorang muslim yang bersyahadat wajib mengamalkan semua perintahNya dan meninggalkan semua laranganNya. Perbezaan antara penerimaan dengan ketundukan ialah bahawa penerimaan dilakukan dengan hati, sedangkan ketundukan dilakukan dengan fizikal. Oleh karena itu, setiap muslim yang telah bersyahadat hendaklah melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupannya dengan betul dan jika ia tersilap atau melakukan dosa akan cepat meminta ampun kepadaNya dan bertaubat. *Ibid.*, hlm. 74.

<sup>16</sup> Temubual dengan kakitangan JAWI, Ustaz Md. Tahir Bin Yusoff pada 10.3.2010 jam 3.00pm di Jawi, Kuala Lumpur.

<sup>17</sup> Temubual dengan kakitangan JAWI, Ustaz Md. Tahir Bin Yusoff pada 10.3.2010 jam 3.00pm di Jawi, Kuala Lumpur.

<sup>18</sup> Hammudah ABdalati (1975), *Islam in Focus*, Indianapolis: American Trust Publications, hlm. x-xi; Zulkiple Abd. Ghani et al. (2009), *Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Saudara Muslim*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 259.

dengan kitab sucinya, al- Qur'an sebagai penyuluh jalan umat Islam untuk menuju kesejahteraan dan keredhaan Allah S.W.T. di dunia dan akhirat. Kitab suci ini juga menjadi sumber panduan, pedoman, nasihat, ubat, petunjuk dan keampunan kepada orang yang beriman supaya dapat memikat hati orang bukan Islam untuk menerima agama Islam sebagai agama anutan mereka. Walaupun kitab suci al-Qur'an ini diturunkan pada zaman Nabi Muhammad S.A.W namun keasliannya dipelihara oleh Allah S.W.T sampai hari kiamat. Keindahan Islam yang digambarkan oleh ayat-ayat al-Qur'an yang sungguh menakjubkan membuka minda orang-orang bukan Islam untuk mengkaji dan memahami Islam. Lantaran itu ramai yang mula memeluk Islam dengan bilangan yang ramai di seluruh dunia.<sup>19</sup> Begitu juga di Malaysia, saban hari ramai yang memeluk atau menerima Islam sebagai agama anutan. Pelbagai faktor yang menarik perhatian orang bukan Islam memeluk agama Islam di Malaysia, antara lainnya ialah kerana kebenaran dan kesucian agama Islam, dorongan kawan-kawan dan sebagainya.<sup>20</sup>

Sebagai penganut agama Islam yang baru, pengetahuan terhadap Islam di kalangan para Saudara Baru ini sememangnya kurang pada peringkat awal. Oleh yang demikian telah menjadi tanggungjawab bersama semua umat Islam di seluruh dunia untuk memberi perhatian dan membimbing mereka untuk menjadi seorang Islam yang berilmu dan patuh kepada ajaran Islam. Ilmu yang diterapkan kepada para mualaf mestilah konsisten dan teguh yang akan menjadi benteng atau dinding kepada penerapan unsur-unsur negatif

---

<sup>19</sup> "Muslim Statistics (Population) – Growth rate and conversion", [http://wikiislam.net/wiki/Muslim\\_Statistics\\_%28Population%29](http://wikiislam.net/wiki/Muslim_Statistics_%28Population%29), diakses pada 12 Julai 2012. Lihat juga "Growth of Islam and World Religions", <http://www.30-days.net/muslims/statistics/islam-growth/>, diakses pada 12 Julai 2012.

<sup>20</sup> Nawi Jusoh (2006), *Mengapa Kami Memeluk Islam? Implikasi Berpaksikan Suatu Penyelidikan Dikalangan Mereka Yang Baru Memeluk Islam Di Malaysia*, Shah Alam: DNJ consultant Sdn. Bhd., hlm. 23.

seperti kefasikan dan kemunafikan di sanubari mereka.<sup>21</sup> Kelalaian dan juga kurangnya perancangan dalam mengikuti perkembangan mereka oleh pihak-pihak tertentu telah menyebabkan banyak masalah timbul sehingga kadang-kala menyebabkan ada di kalangan mereka yang berpatah balik ke anutan asal mereka ataupun bertukar ke anutan lain. Hasil temubual dengan beberapa orang pegawai di Jawi dan juga pendakwah, dapat dirumuskan bahawa di antara masalah-masalah yang timbul dalam kalangan Saudara Baru ini yang perlu diberi perhatian serius ialah seperti tidak cukup bimbingan agama Islam, murtad kerana tidak mendapat pembelaan, pendidikan akidah, syariat, akhlak dan lain-lain yang mencukupi, penindasan di tempat kerja dan tempat tinggal, penyesuaian diri dengan penganut agama Islam, tiada pekerjaan, tidak tahu solat dan tidak mampu membaca dan memahami al-Qur'an dan Hadis dengan baik, serta hidup dalam kemiskinan.<sup>22</sup>

Kisah hidup Saudara Baru dalam masyarakat Malaysia sering didengari melalui media cetak seperti surat khabar, majalah, buku, laporan penyelidikan dan kertas kerja, manakala dalam media elektronik pula seperti radio, televisen, internet dan sebagainya. Rata-rata media massa tersebut menceritakan dan menggambarkan kehidupan baru para

---

<sup>21</sup> Temubual dengan pegawai di Caw. Saudara Baru Jawi, Ustazah Khairunnisak binti Abdul Halim pada 11 Mac 2010, jam 11.00 pagi

<sup>22</sup> Temubual dengan para Saudara Baru di Jawi pada 10 Mac 2010 di Jawi, Kuala Lumpur, jam 10.00 pagi hingga 4.30 ptg; temubual dengan pegawai di Caw. Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha pada 11 Mac 2010 jam 10.00 pagi; Temubual dengan pegawai di Caw. Saudara Baru Jawi, Ustazah Khairunnisak binti Abdul Halim pada 11 Mac 2010, jam 11.00 pagi; temubual dengan pegawai MACMA, Haji Ann Wan Seng pada 22 Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur pada jam 5.00 petang.



Saudara Baru dan keindahan Islam yang diterapkan kepada mereka tetapi persoalan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka amat kurang ditengahkan.<sup>23</sup>

Oleh yang demikian bimbingan dan bantuan haruslah dihulurkan kepada para Saudara Baru bagi memantapkan keimanan dan keyakinan mereka terhadap Allah S.W.T melalui agama baru yang mereka anuti. Justeru, mengenalpasti pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka serta mencadangkan cara untuk menyelesaikannya adalah suatu tanggungjawab yang perlu diambil oleh para pengkaji yang kemudiannya harus dibawa ke perhatian umum untuk dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang terlibat dengan para Saudara Baru. Menyedari tentang tanggungjawab yang harus dipikul ini, maka pengkaji mengambil inisiatif untuk mengupas permasalahan yang timbul dalam kalangan Saudara Baru serta berusaha pula mencadangkan bentuk penyelesaian sewajarnya agar ianya dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Untuk tujuan penulisan disertasi, penulis akan memfokuskan penulisan mengenai Saudara Baru dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## **1.2 PENGERTIAN TAJUK**

Penulis memilih tajuk “Permasalahan Saudara Baru Dan Penyelesaiannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” kerana ingin mendedahkan kepada masyarakat di tanah air perihal kehidupan pahit manis para Saudara Baru/mualaf dalam mengharungi hidup

---

<sup>23</sup> Temubual dengan pegawai MACMA, Haji Ann Wan Seng pada 22 Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur pada jam 5.00 petang.

mereka sebagai orang Islam. Idea ini tercetus kerana penulis adalah seorang mualaf dan pernah mengalami pelbagai masalah dalam kehidupan setelah memeluk Islam. Penjelasan mengenai tajuk kajian ini adalah penting bagi menjelaskan lagi kajian dan perbincangan yang akan dilakukan dalam disertasi ini.

Permasalahan: berasal dari kata masalah yang bermaksud sesuatu yang memerlukan penyelesaian, atau perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran.<sup>24</sup> Manakala kata permasalahan pula merujuk kepada sesuatu atau segala-gala yang menjadi masalah, atau pelbagai masalah atau persoalan.<sup>25</sup>

Saudara Baru atau Mualaf: adalah individu atau kumpulan yang baru memeluk agama Islam<sup>26</sup> dan meninggalkan penganutan agama asal atau sebelum ini tidak pernah menganut agama apa-apa agama lain dan keimanan mereka masih belum kukuh. Istilah ‘mualaf’ adalah perkataan berasal dari bahasa Arab yang bermaksud ‘menjinakkan’.<sup>27</sup> Ia adalah panggilan yang ditujukan kepada orang yang baru memeluk agama Islam.<sup>28</sup> Golongan mualaf atau Saudara Baru berhak diberi zakat supaya ‘menjinakkan’ hati mereka dengan Islam.<sup>29</sup> Penyelesaian: pula membawa maksud perbuatan menyelesaikan atau membereskan sesuatu perkara.<sup>30</sup>

---

<sup>24</sup> *Kamus Dewan Edisi 4* (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1001.

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 1002.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 1046.

<sup>27</sup> Ibrahim Mustafa (t.t.), *al-Mu`jam al-Wasit*, Jil. 1, Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah, hlm. 23.

<sup>28</sup> *Kamus Dewan Edisi 4* (2005), *op.cit.*, hlm. 1398.

<sup>29</sup> Zulkiple Abd. Ghani et al. (2008), *Sistem Dan Modul Pengajaran & Pembelajaran Saudara Muslim*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 90.

<sup>30</sup> *Kamus Dewan Edisi 4* (2005), *op.cit.*, hlm. 1424.

Manakala yang dimaksudkan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah sebuah wilayah yang terdapat di Semenanjung Malaysia dengan keluasannya 243 KM persegi.<sup>31</sup> Ia merupakan ibu negara Malaysia yang mula diduduki pada awal abad ke 18 yang dibuka oleh Raja Abdullah bin Raja Jaafar, Raja Jumaat dan Sultan Puasa.<sup>32</sup> Ia adalah sebuah wilayah yang ditadbir oleh kerajaan persekutuan yang terletak di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri dan ditadbir pula oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Datuk Bandar dilantik mengetuai dewan tersebut dan terdapat ketua pengarah yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran.<sup>33</sup> Ia mengandungi 11 kawasan iaitu Batu, Kepong, Segambut, Lembah Pantai, Seputeh, Wangsamaju, Setiawangsa, Titiwangsa, Bukit Bintang, Cheras dan Bandar Tun Razak.<sup>34</sup>

Berdasarkan penjelasan mengenai tajuk kajian, maka dapat disimpulkan bahawa kajian ini menumpukan kepada perbincangan mengenai permasalahan yang dihadapi oleh para Saudara Baru yang di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang diterokai tersebut. Di samping itu, kajian turut memaparkan profil Saudara Baru di wilayah ini serta faktor-faktor yang mempengaruhi mereka memeluk ajaran islam.

---

<sup>31</sup>“Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”, <http://www.penerangan.gov.my/wilayah/index.php/artikel/1860-negeri-wilayah-persekutuan-kuala-lumpur>, diakses pada 21 Mei 2012.

<sup>32</sup> Asmad bin Ismail (1987), *Wilayah Persekutuan*, Kuala Lumpur: Associated Distributor (M) Sdn. Bhd. Hlm. 12; Zaharuddin Abd Rahman (1993), “Kuala Lumpur 100 Tahun”, *Dewan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2-3; Guelden Marlene (1986), *Kuala Lumpur*, Singapura: Times Educations, hlm. 26; J. M. Gullick (1988), *Kuala Lumpur 1880-1895 A City in the Making*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, hlm. 9; Yusri Abu (2004), “Kefahaman Akidah di Kalangan Saudara Baru: Suatu Kajian di Kuala Lumpur”, Disertasi Sarjana Usuluddin, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm.3.

<sup>33</sup> Yusri Abu (2004), *op.cit.*, hlm. 5.

<sup>34</sup>“Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”, <http://www.penerangan.gov.my/wilayah/index.php/artikel/1860-negeri-wilayah-persekutuan-kuala-lumpur>, diakses pada 21 Mei 2012.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan perbincangan dalam latarbelakang masalah kajian, maka persoalan kajian yang boleh diketengahkan adalah seperti berikut:

- 1.3.1 Apakah profil Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan apakah faktor yang mendorong mereka memeluk ajaran Islam?
  
- 1.3.2 Apakah permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?
  
- 1.3.3 Apakah peranan agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan apakah cadangan penyelesaian dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh mereka?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan persoalan kajian yang dikemukakan di atas, maka kajian ini telah menggariskan objektif kajiannya seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenalpasti profil Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan meneliti faktor yang mendorong mereka memeluk ajaran Islam.
  
- 1.4.2 Menganalisis permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  
- 1.4.3 Mengkaji peranan agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mencadangkan

penyelesaian dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh mereka berlandaskan penemuan kajian.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini hanya akan menumpukan kepada:

1.5.1 Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur .

1.5.2 Kajian terhadap penghidupan Saudara Baru, peranan masyarakat Islam dan badan-badan kerajaan serta badan-badan swasta yang bertanggungjawab dalam membantu penghidupan harian para Saudara Baru.

## **1.6 TINJAUAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Kajian ini adalah penting untuk mendedahkan gambaran hidup para Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Segala bahan atau isu yang timbul melalui disertasi ini akan dibawa ke pengetahuan umum dengan niat untuk membantu para Saudara Baru hidup dalam kesejahteraan bagi mengecapi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Penulisan mengenai Saudara Baru bukanlah suatu perkara baru terutamanya di Negara Malaysia yang terdiri daripada penganut pelbagai agama dan kaum. Terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan Saudara Baru sebelum ini dan kebanyakannya

dilakukan di dalam bentuk kajian ilmiah dan penulisan tesis, disertasi, kertas kerja dan buku.

Antara kajian tentang Saudara Baru ialah seperti berikut:-

- 1) “Kefahaman Akidah Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Di Kuala Lumpur” yang ditulis oleh Yusri Bin Abu dari Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur pada tahun 2004.<sup>35</sup> Walaubagaimanapun penulisannya adalah lebih kepada prinsip-prinsip akidah di kalangan Saudara Baru, kefahaman tentang akidah dan satu analisa pengajian akidah di kalangan Saudara Baru. Antara tujuan kajian ini ialah:
  - a ) Menilai sejauh mana kefahaman Saudara Baru tentang akidah samada terhadap perkara-perkara umum dan perkara-perkara yang lebih mendalam.
  - b ) Mengkaji pendekatan pengajaran akidah yang diterapkan oleh JAWI dan Badan-Badan Bukan Kerajaan lain.
  - c ) Mengenal pasti masalah-masalah yang berlaku dikalangan Saudara Baru di dalam memahami akhlak.
  - d ) Mengkaji sukatan pengajian akidah yang digunakan dalam pengajaran akidah untuk Saudara Baru.

---

<sup>35</sup> Yusri bin Abu (2004), “Kefahaman Akidah Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian di Kuala Lumpur”, Disertasi Sarjana Usuluddin, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya.

2) “Peranan Unit Dakwah Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hal Dan Kedudukan Mualaf”. Ditulis oleh Mohammad Hasnil Abu Bakar dari Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur ( 2004 )<sup>36</sup> Walaupun kajian ini adalah berkaitan dengan Saudara Baru, namun perbincangan tajuk ini adalah di dalam perbahasan ulama berkaitan dengan pembahagian zakat di dalam kitab-kitab fiqh turath dan moden. Kajian penulis lebih ditumpukan kepada bagaimana bentuk penyaluran hak dan kebajikan yang sedang dijalankan dan turut mengemukakan cadangan dan kritikan membina bagi meningkatkan kualiti penyaluran hak.dan kebajikan mengikut peredaran masa dan perubahan zaman. Buku ini juga memberi peringatan kepada semua golongan

Islam supaya tidak mengabaikan tanggungjawab daripada memberikan zakat kepada para Saudara Baru seperti yang dinyatakan dalam al-Qur’an. Para Saudara Baru juga boleh mengetahui hak mereka terhadap harta kerajaan dalam bentuk zakat dan tujuan zakat ini diberikan kepada mereka. Ketika penulis mengemukakan definisi mualaf menurut syarak, beliau merujuk kepada firman Allah S.W.T dari Surah al-Taubah

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا  
وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

<sup>36</sup> Mohammad Hasnil Abu Bakar (2004), “Peranan Unit Dakwah Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hal Dan Kedudukan Mualaf”, Disertasi Sarjana Syariah, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya.

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil Yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf Yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba Yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang Yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) Dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

3) “Kefahaman Tauhid Di Kalangan Saudara Baru. Suatu kajian di Kuala Lumpur”.

Ditulis oleh Yusri bin Abu dari Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2003.<sup>37</sup> Kajian ini adalah tertumpu di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan tumpuan adalah kepada para Saudara Baru. Namun begitu kajian ini adalah berkaitan dengan pelajaran dan kefahaman para Saudara Baru terhadap pelajaran tauhid sahaja.

Kajian ini tidak menyentuh permasalahan yang dihadapi oleh para Saudara Baru. Kajian ini berfokus kepada perkara-perkara berikut:-

- a) Konsep tauhid sebagai asas di dalam kehidupan Saudara Baru.
- b) Perbincangan mengenai ilmu tauhid.
- c) Kaedah-kaedah pembelajaran dan pengukuhan tauhid di kalangan Saudara Baru.
- d) Tahap kefahaman Saudara Baru terhadap perkara-perkara umum mengenai tauhid.

---

<sup>37</sup> Yusri bin Abu (2003), “Kefahaman Tauhid Di Kalangan Saudara Baru. Suatu kajian di Kuala Lumpur”, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



- e) Tahap kefahaman Saudara Baru terhadap perkara-perkara yang terperinci dan khusus mengenai tauhid.
- 4) “Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada dan Qadar Di Kalangan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” ditulis oleh Imanniah Binti Ishak dari Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2008.<sup>38</sup> Kajian setebal lima bab dan halaman sebanyak 186 muka surat ini berkisahkan di kalangan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur namun ia lebih memfokuskan kajian tentang tahap kefahaman qada dan qadar di kalangan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur . Iaitu mengkaji sejauh mana qada dan qadar iaitu salah satu rukun Iman ini dapat difahami oleh golongan Saudara Baru dengan baik. Kajian ini tiada kepentingan untuk memahami permasalahan Saudara Baru kecuali berkaitan dengan konsep qada dan qadar.
- 5) “Saudara Baru Di Kelantan. Suatu Kajian Mengenai Dorongan Dan Cabaran Di Kota Bharu Kelantan”. Di Tulis oleh Tengku Norhayati Tengku Hamzah dari Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam,Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.<sup>39</sup> Kajian ini lebih memfokuskan kepada hak-hak asasi manusia dan kebebasan tanpa melanggar batas-batas syarat yang ditetapkan. Hak-hak tersebut antaranya

---

<sup>38</sup>Imanniah Binti Ishak (2008), “Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada dan Qadar Di Kalangan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”, Disertasi Sarjana Usuluddin, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>39</sup> Tengku Norhayati Tengku Hamzah (2006), “Saudara Baru Di Kelantan. Suatu Kajian Mengenai Dorongan Dan Cabaran Di Kota Bharu Kelantan”, Disertasi Sarjana Usuluddin, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Dan Tamadun, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

adalah seperti hak untuk hidup di atas muka bumi ini, hak untuk belajar, hak untuk berkeluarga, mencari rezeki, hak untuk hidup bermasyarakat tanpa membezakan taraf dan keturunan, bebas bersuara, bebas memberi pendapat dan bebas memilih agama tanpa paksaan. Lokasi kajian ini tertumpu di Kota Bharu Kelantan dan pelbagai metode telah digunakan untuk menjayakan kajian ini.

- 6) “Hak-hak Wanita Mualaf Dalam Penjagaan (Hadanah) Menurut Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak)”. Ditulis oleh Sharifah Nooraida binti Wan Hasan dari Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.<sup>40</sup> Tulisan disertasi ini menjelaskan secara terperinci tentang hak penjagaan kanak-kanak (hadanah) selepas perceraian menurut syarak. Penerangan tentang hak dari segi undang-undang dan mengetahui tahap pemahaman wanita dan peranan badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam memberi pendedahan bagi memastikan wanita mualaf mengetahui hak yang sebenar mereka dalam penjagaan kanak-kanak. Tulisan ini yang mempunyai halaman sebanyak 165 muka surat ini tiada menerangkan tentang permasalahan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  
- 7) “Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru Di Perkim Kelantan: Kajian Mengenai Keberkesanan”. Penulis Mohd. Sabri Bin Ismail dari Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Iman, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala

---

<sup>40</sup> Sharifah Nooraida binti Wan Hasan (2009), “Hak-hak Wanita Mualaf Dalam Penjagaan (Hadanah) Menurut Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak)”, Kuala Lumpur: Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Lumpur, 2009.<sup>41</sup> Kajian ini hanya menumpukan kepada aktiviti PERKIM Kelantan di pada masa kini sahaja. Selain kajian ini melihat aktiviti terkini yang dijalankan oleh PERKIM kepada Saudara Baru. Walaupun kajian ini melibatkan setebal 263 muka surat, namun persoalan pemasalahan Saudara Baru PERKIM Kelantan mahupun di Wilayah Persekutuan tidak dikaji atau ditulis oleh penulis.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti metode kepada Saudara Baru dan menjelaskan bagaimana metode dakwah digunakan oleh PERKIM terhadap Saudara Baru. Ia juga ia juga memfokuskan kepada jumlah Saudara Baru yang melibatkan diri dalam kelas-kelas pengajian agama.

- 8) Buku bertajuk *Sistem dan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Saudara Baru*. Tulisan Dr. Zulkifle Abd.Ghani, Anuar Puteh, Badlisham Mohd. Nasir, Abdul Ghafar Hj. Don, Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Abdul Halim Tamuri. Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2009.<sup>42</sup> Buku ini telah ditulis berkaitan dengan empat modul yang merangkumi pelajaran berkaitan Akidah Islam, Syariah / Ibadah, al-Qur'an, al-Hadis, Akhlak, Sirah Nabawi dan isu-isu semasa. Isi kandungan setiap modul dalam buku ini ditulis secara ringkas dan lebih kepada persediaan kepada para Saudara Baru untuk dilatih menjadi pendakwah dan lebih sesuai dibaca oleh para Saudara Baru yang telah mahir atau mengenali hukum hakam Islam secara mendalam.

---

<sup>41</sup> Mohd. Sabri Bin Ismail (2009), "Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru Di Perkim Kelantan: Kajian Mengenai Keberkesanan", Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Iman, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>42</sup> Zulkiple Abd. Ghani et al. (2008), *Sistem Dan Modul Pengajaran & Pembelajaran Saudara Muslim*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walaupun isu-isu atau permasalahan para Saudara Baru adalah ditulis di akhir kandungan buku ini iaitu di bahagian 8, namun isu-isu atau masalah berkaitan Saudara Baru yang ditulis adalah kurang dan amat ringkas. Buku ini juga kurang memfokus kepada masalah Saudara Baru secara khusus di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- 9) Buku bertajuk *Islam Dan Saudara Kita* tulisan Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh dan Ahmad Redzuan Mohd. Yunus terbitan Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.<sup>43</sup> Penulisan atau isi kandungan buku ini memberi gambaran tentang agama Islam secara ringkas kepada pembaca terutamanya para Saudara Baru. Isi kandungan buku ini memberi penerangan tentang Islam sebagai al-Din, Islam agama mudah dan praktikal, Islam Agama Universal, Islam Agama Fitrah. Penulisan buku ini juga memberi pengajaran dan pengertian kepada Saudara Baru tentang pemeluk Islam, cabaran dalam Islam. Buku ini juga ada memberi penerangan dan gambaran hidup Rasulullah S.A.W untuk diteladani oleh para Saudara Baru.
- 10) Buku bertajuk *Mengapa Kami Memeluk Agama Islam?* Tulisan Dr. Nawi Jusoh, terbitan DNJ Consultant Sdn Bhd, Shah Alam, 2010.<sup>44</sup> Keunikan buku ini ialah

---

<sup>43</sup> Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh dan Ahmad Redzuan Mohd. Yunus (2004), *Islam Dan Saudara Kita*, Selangor: Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>44</sup> Nawi Jusoh (2010), *Mengapa Kami Memeluk Agama Islam*, Shah Alam: DNJ Consultant Sdn. Bhd.

ianya berasaskan penyelidikan di mana sampelnya terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan kebudayaan. Di samping itu dimuatkan sama doktrin pelbagai agama besar agama dan kepercayaan tradisi khususnya bagi bangsa Cina yang merupakan salah satu bangsa yang agak ramai di Malaysia. Doktrin agama berkenaan ialah Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Manakala kepercayaan tradisi pula ialah ajaran Konfucius dan Tao. Dalam konteks hidup Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kepercayaan tradisi; pendedahan dalam buku ini membolehkan pelbagai kaum memahami dengan lebih bermakna terhadap kaum yang lainnya.

Buku ini ditulis setebal 342 muka surat dengan hanya 3 bab berasaskan beberapa kajian. Walaupun 3 bab saja ditulis, namun setiap bab mempunyai tajuk-tajuk atau isi kandungan yang banyak. Di dalam buku ini juga ditulis berkenaan dengan faktor-faktor pemelukan Islam oleh orang-orang bukan Islam. Walaubagaimana pun isi tulisan buku ini masih jauh berbeza dengan penulisan disertasi yang akan dilakukan oleh pengkaji yang membincangkan khusus berkaitan dengan Permasalahan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Walaupun penulisan buku ini menceritakan perihal cabaran dan masalah Saudara Baru tetapi persoalan atau perbincangan mengenai isu-isu masalah Saudara Baru adalah amat sedikit ditulis.

- 11) “Saudara Baru Cina Di Wilayah Persekutuan dan Selangor” yang ditulis oleh Dr. Amran Kasimin. Perbincangan artikel ini merangkumi permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Baru dari kalangan bangsa Cina sahaja, dan tidak kepada pelbagai bangsa dan etnik yang memeluk agama Islam dan lokasi kajiannya tertumpu di Wilayah Persekutuan dan negeri Selangor.<sup>45</sup>

Kertas kerja yang yang ditulis berkaitan Saudara Baru.

- 1) Kertas kerja bertajuk *Sharing The Salt: Methodologi Untuk Pendakwah Dan Saudara Baru*” yang ditulis oleh Mohd Farid Mohd Sharif.<sup>46</sup> Kertas kerja ini mengkaji sebuah buku berjudul *Sharing The Salt: Making Friends With Sikhs, Muslim and Hindu* yang ditulis oleh Ida Glasier dan Shaylesh Raja yang mempunyai 79 muka surat dan dibahagikan kepada 9 bab kecil. Kertas kerja ini cuba mengulas kisah-kisah yang terdapat dalam buku *Sharing The Salt* dan menilai kesesuaian untuk dijadikan sebagai salah satu metodologi dakwah.

Kertas kerja ini memfokuskan kepentingan metodogi dakwah dalam usaha untuk mendapatkan kejayaan dalam usaha menyampaikan dakwah dan selaras dengan prinsip ajaran Islam supaya mesej dakwah dapat berkesan dengan betul. Fokus utama kertas kerja ini ialah tentang melakukan dakwah sewaktu manusia sedang

---

<sup>45</sup> Amran Kasimin (1985), “Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor”, *Monograf 11*, Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>46</sup> Mohd. Farid Mohd Sharif (2010), “‘Sharing The Salt’: Methodologi Untuk Pendakwah Dan Saudara Baru”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

makan. Isu ini melibatkan proses interaksi sesama Muslim dan interaksi Muslim dan non-Muslim.

Kertas kerja ini juga memaparkan teknik-teknik dakwah yang betul yang harus ada pada seorang pendakwah dalam usaha menjadikan kerja-kerja dakwahnya berjaya dan berkesan. Tanpa metodologi dakwah yang betul, boleh menyebabkan usaha dakwah gagal dan sia-sia.

Selain itu di dalam kertas kerja ini juga terdapat beberapa kajian kes yang berdasarkan isi kandungan atau kisah-kisah dari buku *Sharing The Salt* tanpa sebarang atau pengurangan. Kertas kerja ini juga memaparkan beberapa petikan ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang makanan seperti ayat dalam Surah al-A'raf 7:157, Surah al-A'raf 7:31, Surah al-Mulk 67:31, Surah al-Ma'idah 5:87,88 dan Surah al-Mumtahanah 60:8. Manakala contoh Hadis pula ialah:

Hadis 1:

*Seseorang telah bertanya kepada Rasulullah SAW; apakah sifat yang paling baik dalam Islam? Rasulullah SAW bersabda: memberi makanan serta memberi salam samada kepada orang yang engkau kenali atau pun tidak (Sahih al-Bukhari, Kitab Imam:11)*

Hadis 2:

*Telah bersabda Rasulullah SAW; sembahlah olehmu Tuhan yang Maha Pengasih, berikanlah makanan, sebarkanlah ucapan salam, kamu masuk syurga dengan sejahtera (Riwayat al-Tirmidhi, diambil dalam Sunnah-Sunnah Pilihan, 1989;4)*

- 2) Kertas kerja bertajuk “Dakwah kepada Saudara Baru: Fokus kepada Ciri-Ciri Kekuatan dan Kelemahan Insan Berdasarkan Al-Quran” yang ditulis oleh Mohamad Hilmi Mat Said dan Noor Shakirah Mat Akhir.<sup>47</sup> Penulis menulis kertas kerja ini untuk mengutarakan beberapa cadangan berlandaskan al-Qur’an bagi mengatasi permasalahan yang biasa di alami oleh Saudara Baru. Cadangan-cadangan ini akan fokus kepada ciri-ciri kekuatan dan kelemahan seorang insan dengan menjadikan beberapa potongan ayat al-Qur’an sebagai rujukan dan panduan dalam tulisannya. Penulis juga telah memberi beberapa kaedah penyelesaian kepada pemasalahan Saudara Baru berpandukan ayat-ayat al-Qur’an.

Walaupun tajuk kertas kerja ini menyentuh pemasalah Saudara Baru dan cara penyelesaiannya namun tulisan kertas kerja ini berbeza dengan penulisan disertasi ini dari segi kandungan, lokasi kajian dan tajuk.

- 3) Kertas kerja bertajuk “Pendekatan Dakwah Islamiah Menangani Cabaran Psikologi Saudara Kita: Ke Arah Pembentukan Saudara Kita yang Lestari dan Berdikari”, tulisan Nur A’thiroh Masyaa’il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao, Fariza Md Sham, Khadijah Aini Salleh.<sup>48</sup> Kertas kerja ini ditulis atas kesedaran untuk memberi bimbingan kepada para Saudara Baru dari segi psikologi Saudara Baru. Penulis sedar bahawa para Saudara Baru harus diberi didikan, bimbingan,

---

<sup>47</sup> Mohamad Hilmi Mat Said dan Noor Shakirah Mat (2010), “Dakwah kepada Saudara Baru: Fokus kepada Ciri-Ciri Kekuatan dan Kelemahan Insan Berdasarkan Al-Quran”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

<sup>48</sup> Nur A’thiroh Masyaa’il Tan Abdullah @ Tan Ali Pao, Fariza Md Sham, Khadijah Aini Salleh (2010), “Pendekatan Dakwah Islamiah Menangani Cabaran Psikologi Saudara Kita: Ke Arah Pembentukan Saudara Kita yang Lestari dan Berdikari”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



panduan dan ilmu agama Islam dalam memotivasikan Saudara Baru sama ada di awal pengislamannya mahupun selepas mereka melafaskan dua kalimah syahadah. Kajian ini mendapati pendekatan dakwah Islamiah yang efektif untuk pembangunan Saudara Baru yang lestari dan berdikari iaitu dari peranan saudara kita sendiri, NGO-NGO, para pendakwah dan keluarga Saudara Baru dan masyarakat. Oleh yang demikian pelbagai cadangan telah ditulis dalam kertas kerja ini dengan harapan dapat membantu para Saudara Baru mencapai pembangunan dan insane yang beriman dan bertaqwa.

Kajian ini telah ditulis dengan merujuk kepada beberapa buku berkaitan dengan psikologi antaranya seperti buku karangan Mahmood Nazar Mohamed (2005) yang bertajuk *Psikologi-Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kajian ini juga menggambarkan maksud psikologi dengan mengaitkannya dengan diri Saudara Baru bagi menyelesaikan masalah-masalah para Saudara Baru.

Selain itu kertas kajian ini juga menyentuh tentang cabaran-cabaran psikologi para Saudara Baru dilihat dari sudut dalaman dan luaran sebelum dan selepas memeluk agama Islam.

- 4) Kertas kerja bertajuk “Metodologi Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM) kepada Saudara Kita: Satu Tinjauan Literatur”, ditulis oleh Nur A’thiroh Masyaa’il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao, Dato’ Hj.

Hasbullah L. Isa dan Fakhru Adabi Abdul Kadir.<sup>49</sup> Tujuan kertas kerja ini ditulis adalah untuk membincangkan metodologi dakwah Islamiah oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM) untuk Saudara Baru dari segi metode dakwah secara berjemaah kepada Saudara Baru di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM), Kuala Lumpur. Pada awal kertas kerja ini ada dinyatakan tentang sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke-14, definisi dakwah dan latar belakang Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM) dan maksud Saudara Baru.

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM) telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1960 di kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Pada hari tersebut YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengadakan perjumpaan dengan beberapa orang Islam yang berminat dengan tujuan hendak menubuhkan sebuah badan yang akan berusaha mengembangkan agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu (Malaya). Tujuan utama penubuhan pertubuhan ini adalah untuk menyampaikan seruan Islam kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Kertas kerja ini juga mengandungi beberapa contoh metode dakwah yang digunakan oleh pihak Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM) dalam usaha menerapkan dakwah Islamiah terhadap Saudara Baru. Di

---

<sup>49</sup> Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao, Hasbullah L. Isa dan Fakhru Adabi Abdul Kadir (2010), "Metodologi Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM) kepada Saudara Kita: Satu Tinjauan Literatur", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

antara metode dakwah yang digunakan ialah seperti dakwah Islamiah, dakwah melalui pendidikan, dakwah melalui kebajikan dan dakwah melalui penerbitan. Metodologi dakwah Islamiah dijalankan secara baik dan bersistematik ini merupakan satu sokongan kepada usaha dakwah Islamiah kepada masyarakat Cina, India, Orang Asli dan Bukan Bumiputra di Sabah dan Sarawak.

- 5) Kertas kerja bertajuk “Faktor Pemelukan Islam dalam Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam”, yang ditulis oleh Hajah Rasinah Ahim.<sup>50</sup> Kertas kerja ini memfokuskan kepada masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam iaitu kelompok yang asalnya tidak beragama dan hanya berlandaskan kepada kepercayaan tradisi warisan nenek moyang mereka.

Kertas kerja ini juga terdorong untuk mengenalpasti faktor-faktor menarik perhatian masyarakat Dusun dan Murut untuk memeluk agama Islam. Kertas kajian ini juga memaparkan secara ringkas perihal kaum Murut dan Dusun di Brunei Darussalam. Di antara faktor-faktor menarik perhatian kedua-dua kaum ini ialah seperti minat, agama yang benar, kesedaran diri, mencari keredhaan dunia dan akhirat, paksaan ibu-bapa, kepentingan ekonomi, perkahwinan, pengaruh saudara Muslim, pengaruh kawan Muslim, pengaruh jiran atau orang kampung yang Muslim.

---

<sup>50</sup> Hajah Rasinah Ahim (2010). “Faktor Pemelukan Islam dalam Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Di dalam kertas kerja ini penulis menyatakan tentang masalah dan cabaran oleh Saudara Baru dari kalangan kaum Dusun dan Murut dan faktor faktor penolakan Islam sebagai agama. Walaubagaimanapun tulisan kertas kerja ini berbeza dengan penulisan disertasi ini dari segi kandungan, lokasi kajian dan tajuk.

- 6) Kertas kerja bertajuk “Peranan Teratak Fitrah dalam Melestarikan Jalinan Dialog Saudara Baru Sabah”, tulisan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang dan Nor Adina Kadir.<sup>51</sup> Tulisan kertas kerja ini memfokuskan usaha Pusat Bimbingan Teratak Fitrah iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha melestarikan jalinan dialog kehidupan dalam kalangan komuniti Saudara Baru Sabah yang terdiri daripada beraneka etnik dan bangsa walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Kajian dalam kertas kerja ini mempertengahan peranannya untuk dipaparkan dan dijadikan asas dalam melestarikan jalinan dialog kehidupan Saudara Baru di negeri-negeri lain di Malaysia seterusnya menyemarakkan toleransi beragama yang sedia wujud dalam kalangan masyarakat Sabah.

Kertas kerja ini menceritakan perihal latarbelakang Teratak Fitrah dan kronologi aktiviti-aktiviti dialog bersama dengan para Saudara Baru ini. Aktiviti dialog ini dibuat dengan penglibatan para sukarelawan dan para pengajar agama bersama

---

<sup>51</sup> Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, Suraya Sintang dan Nor Adina Abdul Khadir (2010), “Peranan Teratak Fitrah dalam Melestarikan Jalinan Dialog Saudara Baru Sabah”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

rakan muafak dalam *shared activist issues*’ seperti gerakan anti etnik dan perkauman, menghidupkan program minggu kesedaran Islam seperti lawatan amal ke hospital, jelajah ke rumah para Saudara Baru, mengadakan majlis-majlis keagamaan seperti majlis membaca yasin dan mengadakan iftar bersama rakan Saudara Baru dan juga rakan agama lain.

- 7) Kertas kerja bertajuk “Keperluan Kaunseling Islam bagi Menangani Permasalahan dalam Kalangan Saudara Kita: Satu Kajian Kes”, tulisan Amaludin Ab. Rahman dan Zainal Madon.<sup>52</sup> Kertas kerja ini adalah satu laporan kajian kes dalam kalangan Saudara Baru yang dirujuk di salah sebuah IPTA. Kajian ini dibuat secara menemuduga terus para Saudara Baru bagi membincangkan faktor faktor yang mendorong memeluk agama Islam. Seterusnya kertas kerja ini memaparkan model kaunseling yang di kendalikan untuk para Saudara Baru di IPTA tersebut.

Kertas kerja ini juga meyenit tentang objektif kaunseling , metode kaunseling, tujuan serta keperluan kaunseling dibuat untuk membantu mengatasi permasalahan dalam kalangan Saudara Baru. Persoalan kajian pula berfokus kepada 3 persoalan iaitu:

- a) Apakah faktor yang mendorong responden memeluk agama Islam ?
- b) Siapakah individu yang mendorong responden memeluk agama Islam

---

<sup>52</sup> Amaludin Ab. Rahman dan Zainal Madon (2010), “Keperluan Kaunseling Islam bagi Menangani Permasalahan dalam Kalangan Saudara Kita: Satu Kajian Kes”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

c) Apakah halangan yang dialami sejak memeluk agama Islam ?

Akhirnya penulis kertas kerja ini merumuskan bahawa ramai Saudara Baru yang memeluk agama Islam menghadapi pelbagai halangan dan tekanan sejak memeluk Islam dan semasa menjalani kehidupan sebagai seorang Islam yang memerlukan perhatian dan bimbingan. Perkhidmatan kaunseling keagamaan merupakan salah satu aspek penting yang dapat membantu memberikan ketenangan kepada Saudara Baru agar sabar dan tetap patuh dan tunduk kepada segala perintah Allah SWT walaupun apabila berhadapan dengan pelbagai masalah dan seterusnya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

- 8) Kertas kerja bertajuk “Konsep Penghayatan *Din Al-Islam* Dalam Kalangan Saudara Baru- Satu Tinjauan Awal”, tulisan Shaikh Abdullah Hassan Mydin dan Khairul Asfani bin Nasir.<sup>53</sup> Kertas kerja ini berfokus kepada membahaskan secara ilmiah konsep penghayatan *din al-Islam* dalam kalangan Saudara Baru atau dikenali sebagai mualaf. Menurut penulis penggabungan diri dengan agama Islam bukanlah sekadar pengucapan dua kalimah syahadah semata-mata. Ia perlu diikuti dengan keimanan yang kukuh di hati dan komitmen untuk melaksanakan seluruh hukum dan peraturan yang telah diwajibkan ke atasnya.

---

<sup>53</sup> Shaikh Abdullah Hassan Mydin dan Khairul Asfani Nasir (2010)”, “Konsep Penghayatan Din Al-Islam Dalam Kalangan Saudara Baru- Satu Tinjauan Awal”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Penulis dalam kertas kerja ini telah menghuraikan konsep penghayatan *din al-Islam* berdasarkan tauhid seperti mematuhi Allah secara mutlak. Huraian konsep penghayatan *din al-Islam* yang terdapat dalam kerja ini boleh membantu memantapkan keimanan para Saudara Baru kerana ia ditulis dengan begitu jelas dan menggambarkan betapa pentingnya kepatuhan yang mutlak terhadap Allah SWT oleh seseorang hamba untuk berjaya di dunia dan akhirat.

Dalam usaha memahami konsep penghayatan *din al-Islam* dalam kalangan para Saudara Baru penulis telah membuat kajian kepustakaan dengan melibatkan rujukan bahan-bahan bacaan ilmiah seperti buku-bulu, jurnal dan artikel-artikel yang berkaiatan. Hasilnya menunjukkan konsep penghayatan *din al-Islam* adalah berbeza daripada konsep religiosity yang dikembangkan di barat.

Sementara konsep penghayatan *din al-Islam* di dalam penghidupan para Saudara Baru adalah satu proses dalam kehidupan harian sebagai orang yang baru memeluk agama Islam, menjadi satu kewajipan bagi mereka untuk menggabungkan diri mereka dalam ajaran Islam serta menyesuaikan diri dengan cara hidup Islam dengan penuh kerelaan. Terdapat lima peringkat yang dilalui oleh Saudara Baru apabila menukar agama iaitu:

Pertama : Peringkat tenang, peringkat alam pertama yang belum tercabar oleh alam kedua;

Kedua : Peringkat konflik, peringkat yang individu ditawarkan dengan kelebihan;

- Ketiga : Peringkat konversi atau pertukaran;
- Keempat : Peringkat tenang semula iaitu peringkat individu yang melakukan konversi merasa tenang dan selama dalam alam kedua;
- Kelima : Peringkat penghayatan dan pengukuhan amalan bagi memantapkan kepercayaan baru dalam bentuk tingkahlaku.

Untuk menjayakan kajian ini penulis telah mengkaji sebanyak 59 responden di kelas-kelas pengajian Saudara Baru yang belajar sepenuh masa dan separuh masa seperti kelas waktu malam, hujung minggu dan sebagainya.

- 9) Kertas kerja bertajuk “Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Kelantan Dan Peranannya Dalam Pendidikan Saudara Baru”. Tulisan Nazir Che Ibrahim, Mohd. Fathan Mahmood, Mohd. Takiyuddin Ibrahim dan Mohamad Shukran Abdul Razak.<sup>54</sup> Kertas kerja ini merangkumi perihal peranan Institut Dakwah Islamiah PERKIM ( IDIP), Kelantan dalam memberikan pendidikan agama secara formal kepada para Saudara Baru agar mereka dapat memahami serta menghayati Islam dengan betul sebagai satu cara hidup. Selain itu kertas kerja ini juga menerangkan peranan institut ini dalam melahirkan para pendakwah dari kalangan Saudara Baru. Institut Dakwah Islamiah PERKIM ( IDIP), Kelantan ini

---

<sup>54</sup> Mohamad Nazir Che Ibrahim, Mohd. Fathan Mahmood, Mohd. Takiyuddin Ibrahim dan Mohamad Shukran Abdul Razak (2010), “Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Kelantan Dan Peranannya Dalam Pendidikan Saudara Baru”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



menawarkan dua bentuk Sijil iaitu Sijil Asas Pengajian Islam dan Sijil lanjutan Pengajian Islam dan dakwah.

Kertas kerja ini juga menerangkan sejarah penubuhannya, objektif penubuhan, struktur pengajian yang menawarkan 2 peringkat program pengajian mengikut kelayakan para Saudara Baru dan pencapaian akademik para pelajar serta permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh para Saudara Baru di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Kelantan ini. Kertas kajian ini juga merangkumi beberapa cadangan penambahbaik bagi memastikan Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Kelantan ini terus dapat berperanan dengan lebih baik dalam mencapainya Misi dan Visinya.

- 10) Kertas kerja bertajuk “Masalah Pelaksanaan Program Pembelajaran Saudara Kita: Kajian Mengenai Persepsi Pegawai Balai Islam Melaka”, tulisan Mohd Azmi Mat Shah, Amini Amir Abdullah dan Maimunah Ismail.<sup>55</sup> Kajian ini telah dibuat selepas diadakan sesi temubual dengan para pegawai yang terlibat secara langsung dengan para Saudara Baru. Setelah ditemubual dengan para pegawai di Balai Islam Melaka ini didapati kebanyakan masalah yang timbul di kalangan para Saudara Baru adalah kerana masalah kemiskinan.

---

<sup>55</sup> Mohd Azmi Mat Shah, Amini Amir Abdullah dan Maimunah Ismail (2010), “Masalah Pelaksanaan Program Pembelajaran Saudara Kita: Kajian Mengenai Persepsi Pegawai Balai Islam Melaka”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Kertas kertas ini juga membincangkan beberapa penemuan hasil daripada kajian persepsi pegawai terhadap masalah pelaksanaan program pembelajaran Saudara Baru di Balai Islam Melaka. Selain itu kertas kerja ini juga menerangkan perihal masalah-masalah yang dihadapi oleh para pegawai di Balai Islam Melaka dalam menjalankan kelas pembelajaran dan yang bertugas untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru yang belajar di sana dan juga oleh mereka yang tidak belajar di Balai Islam Melaka. Masalah-masalah tersebut dapat dibahagikan kepada tiga peringkat seperti berikut:

- i. Balai Islam adalah tempat mengadu segala hal bagi para Saudara Baru. Hal-hal yang ditimbulkan bukan sekadar pembelajaran agama Islam malah hal-hal perbadi seperti kemiskinan, masalah ahli keluarga, kerjaya dan sebagainya.
- ii. Pegawainya pula tidak mencukupi di mana hanya terdapat 6 orang untuk menguruskan hampir 20 orang Saudara Baru dalam sehari. Pegawainya pula kurang mempunyai kepakaran dalam kaedah penyelesaian masalah, kaunseling dan memberi kefahaman kepada Saudara Baru yang terdiri daripada pelbagai bangsa yang mempunyai perbezaan bahasa, adat dan budaya.
- iii. Status jawatan kontrak, sementara dan sukarela pegawai dan guru yang bertugas di Balai Islam menunjukkan kurang kepekaan pihak Jabatan Agama Islam terhadap kepentingan dakwah secara bersungguh-sungguh kepada para Saudara Baru. Hanya seorang daripada mereka yang mempunyai Ijazah, seorang bekas tentera dan

yang ketiga mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala dua daripada mereka adalah merupakan Saudara Baru yang telah memeluk Islam sebelum ini. Dalam kertas kerja ini, penulisnya telah memberikan beberapa cadangan yang bernas untuk mengatasi masalah-masalah di atas untuk dirujuk oleh Jabatan Agama Islam Melaka.

- 11) Kertas kerja bertajuk “Status Program Pembelajaran Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes Di Balai Islam, Melaka”, tulisan Mohd Azmi Mat Shah, Amini Amir Abdullah dan Maimunah Ismail.<sup>56</sup> Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap persepsi Saudara Baru terhadap status program pembelajaran di Balai Islam Melaka. Kajian ini melibatkan penglibatan para Saudara Baru seramai 60 orang yang terdiri perempuan dan lelaki daripada pelbagai bangsa dan 3 orang pegawai di sebuah Balai Islam di Melaka. Semua responden yang dipilih dikehendaki mengisi borang soal selidik.

Dari segi kajian ia merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Tujuan kajian ini ialah untuk untuk meninjau pandangan Saudara Baru terhadap pelaksanaan program pembelajaran yang telah mereka ikuti daripada aspek kepentingan objektif pembelajaran, suasana pembelajaran, isi kandungan pelajaran dan pembelajaran. Selain itu kajian ini juga untuk mengenalpasti masalah yang

---

<sup>56</sup> Mohd Azmi Mat Shah, Amini Amir Abdullah dan Maimunah Ismail (2010), “Status Program Pembelajaran Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes Di Balai Islam, Melaka”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

dihadapi dalam pelaksanaan program pembelajaran di kalangan Saudara Baru daripada perspektif penganjur.

- 12) Kertas kerja bertajuk “Isu-Isu Perundangan Yang Berbangkit Daripada Pemeluk Islam : Suatu Analisis”, tulisan Haji Mohamad bin Disa.<sup>57</sup> Kertas kerja ini ditulis untuk membincangkan isu-isu perundangan yang timbul kesan pemeluk Islam oleh Saudara Baru. Bagi tujuan tersebut suatu penelitian telah dibuat terhadap beberapa peruntukan undang-undang yang sedia ada yang meliputi undang-undang negeri dan Persekutuan. Penulis telah mengenal pasti beberapa masalah yang timbul di kalangan para Saudara Baru akibat daripada undang-undang yang longgar di peringkat negeri dan persekutuan

Terdapat beberapa contoh kes dalam kajian ini dipaparkan dalam kertas kerja ini. Antaranya seperti kes murtad, pemelukkan Islam dalam kalangan Saudara Baru dan masalah harian di rujuk dengan peruntukan undang-undang peringkat persekutuan dan negeri. Contoh beberapa kes mahkamah yang melibatkan Saudara Baru telah di tulis oleh penulis kertas kerja ini. Penulis dalam tulisannya menyebut peruntukan undang-undang yang ada sekarang bukan saja terlalu liberal malah bertentangan dengan undang-undang atau hukuman mengikut peraturan Islam yang buat oleh Nabi Muhammad SAW dalam mengatasi sesuatu kesalahan atau isu yang timbul dalam kehidupan harian para Saudara Baru.

---

<sup>57</sup> Haji Mohamad Disa (2010), “Isu-Isu Perundangan Yang Berbangkit Daripada Pemeluk Islam : Suatu Analisis”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Dalam kertas kerja ini juga penulis menulis tentang beberapa tohmahan yang datang daripada masyarakat tempatan yang bukan Islam terhadap Saudara Baru sehingga mencetuskan tanggapan yang kurang baik terhadap Saudara Baru. Tohmahan-tohmahan itu adalah seperti seseorang Saudara Baru berpura-pura memeluk agama Islam, memeluk agama Islam hanya kerana ingin berkahwin dengan perempuan Melayu atau Islam sahaja dan bukan memeluk agama Islam kerana kebenaran agama Islam. Malah yang mendukacitakan ialah apabila tohmahan-tohmahan ini di kongsi oleh segelitir umat Islam.

Dalam kertas kerja ini penulis telah memberikan beberapa contoh dan cadangan untuk mengatasi masalah-masalah di kalangan Saudara Baru dari segi perundangan. Penulis mencadangkan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Agama setiap negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Malaysian Chinese Muslim Ummah (MACMA), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persekutuan Persatuan India Muslim Malaysia (PERMIM) , media massa seperti surat khabar, majalah, bulletin , radio, televisen, internet dan sebagainya memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah-masalah tersebut dengan mengadakan beberapa aktiviti di setiap negeri.

- 13) Kertas kerja bertajuk “Pengurusan Muallaf Di Negeri Selangor Darul Ehsan”, tulisan Ab. Aziz Mohd Zain, Fakhrul Adabi bin Abdul Kadir, Mariam binti Abd.

Majid dan Mohd Anwarulhaq bin Sulaiman.<sup>58</sup> Kertas kerja ini menumpukan kepada perkembangan terkini pengurusan hal ehwal muaf di Negeri Selangor dikelolakan oleh Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Penulis menerangkan bahawa pengwujudan Bahagian hal ehwal muaf (BPI) membolehkan urusan para muaf diuruskan dengan lebih mudah dan bersistematik melalui pengwujudan prosedur dan garis panduan tertentu yang meliputi urusan pendaftaran pengislaman, program pembangunan pendidikan, aktiviti pengukuhan akidah dan ibadah serta peruntukan bantuan kebajikan bagi komuniti ini.

Dalam konteks kajian ini, cerapan dilakukan menerusi data-data dokumentasi, temubual dan observasi secara turut serta bagi membolehkan pengkaji memahami gambaran sebenar situasi yang berlaku di lapangan kajian. Dalam kertas kajian ini penulis telah menceritakan tentang cara-cara pelaksanaan prosedur pengislaman dan prosesnya seperti peringkat permohonan pendaftaran pengislaman, penyelenggaraan borang dan buku daftar pengislaman sehingga pengeluaran dan pengawalan kad perakuan memeluk agama Islam.

Untuk memantapkan lagi amalan Islam dalam kalangan Saudara Baru, Bahagian Pembangunan Islam (BPI) di negeri Selangor ini telah memperuntukan sejumlah besar dana bagi pengurusan kelas-kelas pengajian Saudara Baru yang diadakan di

---

<sup>58</sup> Ab. Aziz Mohd Zain, Fakhru Adabi bin Abdul Kadir, Mariam binti Abd. Majid Mohd dan Anwarulhaq bin Sulaiman (2010), "Pengurusan Muaf Di Negeri Selangor Darul Ehsan", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

126 buah kelas di seluruh Negeri Selangor. Bagi tujuan itu juga, beberapa insentif diwujudkan selaras dengan agihan zakat kepada Asnaf Mualaf supaya komuniti ini terus mendekatkan diri mereka kepada agama Islam, antaranya seperti elaun kehadiran kelas, elaun Panel Dakwah Mualaf MAIS, dermasiswa Pelajar dan bantuan umum.

- 14) Kertas kerja bertajuk “Zakat Dan Peranannya Dalam Konteks Dakwah Terhadap Saudara Kita Di Malaysia: Satu Pengenalan”, tulisan Ab Rahim Ibrahim.<sup>59</sup> Kertas kerja ini menerangkan betapa pentingnya peranan zakat dalam mengukuhkan pegangan Islam di kalangan para Saudara Baru. Amalan zakat merupakan salah satu rukun dalam rukun Islam yang menjadi ibadat wajib bagi harta merujuk kepada hukum syariah. Zakat dipungut dari golongan yang mampu untuk diagih-agih kepada golongan yang telah ditetapkan oleh syara’. Selain daripada memberi bantuan ia juga diberi untuk mengukuhkan pegangan agama Islam di kalangan para Saudara Baru. Oleh kerana itu penulis telah menulis bahawa untuk memahami skop zakat ia perlu dirujuk kepada maksudnya melalui pengamalan Sahib al-Risalah Nabi Muhammad SAW kerana kepada bagindalah syariat diturunkan khususnya berkaitan pengertian golongan “*al-Mu'allafah qulubuhum*” atau Saudara Kita.

Dalam kertas kerja ini penulis telah menyatakan falsafah berkaitan agihan zakat yang merujuk kepada ketetapan Allah yang telah mengariskan dengan jelas

---

<sup>59</sup> Ab. Rahim Ibrahim (2010), “Zakat Dan Peranannya Dalam Konteks Dakwah Terhadap Saudara Kita Di Malaysia: Satu Pengenalan”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

golongan yang berhak menerima peruntukan agihan zakat dalam firmanNya dalam al-Qur'an surah al-Taubah ayat ke 60. Berdasarkan kepada ayat ini agihan zakat merujuk kepada dua pengertian iaitu; menghalang daripada berlakunya kepapaan di kalangan orang Islam dan membantu agama Islam serta memperkuatkannya. Oleh itu bukan saja golongan miskin yang boleh menerima zakat tetapi orang kaya juga layak menerima zakat jika ia termasuk dalam golongan seperti pejuang Islam atau seumpamanya.

Dalam kertas kerja ini juga penulis menjelaskan amalan zakat di zaman para sahabat. Pada zaman Khalifah `Umar al-Khattab zakat bukan saja diberikan kepada fakir miskin tetapi ia juga diberikan kepada golongan yang dikenali sebagai golongan *al-mu'allafah*. Golongan ini diberi zakat atas dasar keperluan perbelanjaan untuk meneruskan hidupan, maka mereka berhak mendapat bahagian fakir miskin. Untuk tujuan ini pemberian zakat kepada golongan ini adalah untuk memperkuatkan mereka dengan ajaran Islam Khalifah Umar al-Khattab. Apabila agama Islam menjadi terlalu kuat dalam era pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab. Apabila Islam menjadi kuat maka Khalifah Umar al-Khattab telah telah menanggungkan pemberian zakat kepada golongan al-mualafah ini. Ini bukan bermakna Khalifah Umar al-Khattab telah menafikan ajaran Islam atau garis panduan yang ditetapkan oleh Allah SAW. Yang sebenarnya Khalifah Umar al-Khattab beranggapan Islam telah menjadi terlalu kuat dan golongan al-mualaffah tidak wujud lagi di zamannya. Penulis juga ada menyatakan tentang



konsep dan tafsiran *al-mu'allafah* dan hukum fekah berkaitan mualaf untuk difahami oleh umat Islam pada masa ini.

- 15) Kertas bertajuk “Agihan Zakat Dan Program Pembangunan Mualaf: Statistik Lembaga Zakat Selangor”, tulisan Dr. Mujaini Tarimin, Rapiah Mohd Zaini dan Hamsatulazura Hamzah.<sup>60</sup> Kertas kerja ini ditulis bagi menerangkan dan menganalisa statistik agihan zakat yang telah diterima oleh mualaf di negeri Selangor sepanjang tahun 2005 sehingga tahun 2009. Selain agihan zakat, statistik pendaftaran mualaf sehingga tahun 2009 turut dibentangkan di dalam kajian ini. Ia juga membincangkan program-program bermotivasi dalam bidang keilmuan, jati diri, dan pendidikan yang dijalankan oleh Lembaga Zakat Negara. Dalam kertas kajian ini penulis telah menerangkan tentang klasifikasi asnaf mualaf di zaman Nabi Muhammad SAW., kepentingan agihan zakat dan syarat-syarat agihan kepada mualaf.

Selain itu analisa statistik berkaitan mualaf dan agihan zakat di negeri Selangor dari tahun 2005 hingga 2009 juga diterangkan oleh penulis dalam bentuk jadual dan graf.

---

<sup>60</sup> Mujaini Tarimin, Rapiah Mohd Zaini dan Hamsatulazura Hamzah (2010), “Agihan Zakat Dan Program Pembangunan Mualaf: Statistik Lembaga Zakat Selangor”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- 16) Kertas kerja bertajuk “Implikasi Pertukaran Agama Ke Atas Nafkah Anak: Satu Tinjauan”, tulisan Muhammad Najib Abdullah, Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim dan Haliza A. Shukur.<sup>61</sup> Kertas kerja ini ditulis untuk menjelaskan kesan pertukaran agama oleh salah satu pihak dalam perkahwinan dalam kalangan bukan Islam ke atas nafkah anak menurut perspektif Syariah dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan ) 1984.

Sebelum membincangkan mengenai nafkah anak penulis telah menulis beberapa hukum seperti berkaitan hukum perkahwinan di antara pihak berlainan agama menurut hukum syarak dan hukum perkahwinan berlainan agama menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)1984(AUKI 1984) dan kesan pertukaran agama kepada agama Islam ke atas perkahwinan menurut perspektif syariah Islam.

Tujuan kertas kerja ini ditulis untuk dibincangkan bersama supaya hak nafkah anak tidak terjejas akibat daripada pertukaran agama kepada agama Islam. Oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya diwujudkan satu peruntukan undang-undang yang jelas di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)1984(AUKI 1984) apabila salah seorang pasangan yang telah berkahwin masuk Islam, murtad atau bertukar agama. Ini adalah penting

---

<sup>61</sup> Muhamad Najib Abdullah, Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim dan Haliza Shukur (2010), “Implikasi Pertukaran Agama Ke Atas Nafkah Anak: Satu Tinjauan”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

untuk menjaga kebajikan anak-anak pada setiap ketika tanpa mengambil kira apa yang berlaku ke atas ayah dan ibu mereka.

- 17) Kertas kerja bertajuk “Keberkesanan Program Perkaderan Mualaf Negeri Selangor Darul Ehsan”, tulisan Ab. Aziz Mohd Zin, Mariam binti Abd. Majid, Syarul Azman bin Shaharuddin dan Mohd Makhi bin Adnan.<sup>62</sup> Kertas kerja ini ditulis mengenai aktiviti Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor yang dilaksanakan berkaitan keberkesanan Program Perkaderan Mualaf semenjak tahun 2006 hingga 2009. Kandungan kertas kerja ini mengandungi beberapa program yang telah diaturkan dalam siri Program Perkaderan Mualaf di negeri Selangor. Keberkesanan program yang dilaksanakan ini melihat kepada sambutan serta penyertaan golongan mualaf terhadap program ini dan impaknya dari segi pemahaman ilmu agama seperti ilmu syariah, aqidah, akhlak serta dakwah terhadap golongan mualaf.

Kertas kerja ini dibuat atas hasil kajian terhadap keberkesanan program perkaderan mualaf yang telah dilaksanakan. Kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik terhadap 100 orang kader dakwah dalam kalangan mualaf yang telah menamatkan kursus perkaderan anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan (MAIS).

---

<sup>62</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, Mariam binti Abd. Majid, Syarul Azman bin Shaharuddin dan Mohd Makhi bin Adnan (2010), “Keberkesanan Program Perkaderan Mualaf Negeri Selangor Darul Ehsan”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- 18) Kertas kerja yang bertajuk “Zakat Untuk Mualaf: Analisis Dari Aspek Pentafsiran Semasa”, tulisan Hasanah Binti Abd. Kadir.<sup>63</sup> Dalam kertas kerja ini, tafsiran mualaf akan dianalisis dengan melihat kepada aspek-aspek yang dinilai dalam pentafsiran para fuqaha serta realiti masa kini di Malaysia. Penulis kertas kerja ini ada menyentuh perihal pemberian zakat oleh Nabi Muhammad S.A.W. pada zamannya dengan beberapa tujuan. Antaranya untuk melembutkan hati penerimanya untuk menerima Islam sebagai agamanya. Menurut penulis metode dakwah yang digunakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. sebegini ternyata berjaya menarik perhatian ramai orang untuk memeluk agama Islam. Penulis telah menyatakan hak mualaf berkaitan harta zakat dan cara pengagihan zakat untuk para mualaf pada awal Islam. Penulis juga ada menulis tentang pandangan para fuqaha tentang asnaf mualaf, pentafsiran mualaf pada masa kini dan kisah dilemma para mualaf masa kini di Malaysia.

Terdapat kekeliruan dalam penulisan kertas kerja ini dalam pernyataan awalnya. Penulis telah menyatakan terdapat perubahan pada zaman Khalifah `Umar terhadap pemberian zakat yang diamalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq. Penulis tidak menyatakan dengan tepat samada khalifah yang menamatkan pemberian zakat pada masa itu samada Khalifah `Umar al-Khattab dari Khulafa' al-Rasyidin atau Khalifah `Umar selepas Khulafa' al-Rasyidin. Perkara ini timbul kerana penulis ada menulis nama khalifah pertama dalam Khulafa' al-Rasyidin iaitu Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a. dengan betul

---

<sup>63</sup> Hasanah Binti Abd. Kadir (2010), “Zakat Untuk Mualaf: Analisis Dari Aspek Pentafsiran Semasa”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

tetapi hanya menyatakan Saidina `Umar untuk orang yang bertanggungjawab menghentikan pemberian zakat.

- 19) Kertas kerja bertajuk “Cara Mewujudkan Saudara Kita Orang Asli Mampu Mempertahankan Jati Diri Di Negeri Pahang”, tulisan Ahmad Redzuwan Mohd Yunus.<sup>64</sup> Penulisan kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti cara-cara yang dilakukan oleh organisasi dakwah kepada masyarakat orang Asli di Negeri Pahang dalam usaha membentuk masyarakat orang Asli yang mampu pertahan jati diri sebagai orang Muslim.

Untuk menjayakan kertas kerja ini penulis telah membuat beberapa kajian khususnya terhadap cara dan teknik-teknik yang digunakan oleh Badan-Badan Kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha membentuk masyarakat orang Asli yang mampu pertahan jati diri sebagai orang Muslim. Kertas kerja ini menyatakan betapa pentingnya keperluan pertahanan jati diri dalam Islam. Beberapa cara telah disebut dalam kertas kerja ini khusus untuk membentuk masyarakat orang Asli yang mampu pertahan jati diri sebagai orang Muslim. supaya menjadi orang Islam yang beriman dan bertaqwa. Walaupun kertas kerja ini ditulis sebanyak 5 muka surat namun isi kandungannya sesuai untuk membentuk masyarakat orang Asli yang mampu pertahan jati diri sebagai orang Muslim.

---

<sup>64</sup> Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2010), “Cara Mewujudkan Saudara Kita Orang Asli Mampu Mempertahankan Jati Diri Di Negeri Pahang”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- 20) Kertas kerja bertajuk “Hubungan Dengan Keluarga Selepas Memeluk Islam: Cabaran Dan Kaedah Mengatasinya Menurut Perspektif Islam”, tulisan A’dawiyah Ismail dan Salasiah Hanim Hamjah.<sup>65</sup>

Menurut penulis kertas kerja ini ramai Saudara Baru selepas memeluk Islam menghadapi pelbagai masalah dan berhadapan dengan pelbagai cabaran secara bersendirian. Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka adalah seperti disisih oleh keluarga, masalah kewangan, masalah disisih kawan-kawan dari agama lama, kesukaran untuk mendapat bimbingan agama, masalah perkahwinan dan sebagainya.

Justeru itu penulis telah membuat kertas kerja ini untuk memfokus kepada cabaran yang harus dilalui oleh para Saudara Baru dalam aspek keluarga, perhubungan dengan ahli keluarga dan halangan untuk mengamalkan agama Islam dengan tenang dan bebas. Kertas kerja ini membincangkan kaedah dari perspektif Islam bagi mengatasi masalah berkaitan hubungan keluarga selepas memeluk Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan temu bual sebagai kaedah utama. Seramai 4 orang responden telah dipilih untuk ditemubual dan data-data hasil temubual dikumpul seterusnya dianalisa mengikut kaedah verbatim. Harapan penulis ialah penulisan kertas kerja ini hasil daripada

---

<sup>65</sup> A’dawiyah Ismail dan Salasiah Hanin Hamjah (2010), “Hubungan Dengan Keluarga Selepas Memeluk Islam: Cabaran Dan Kaedah Mengatasinya Menurut Perspektif Islam”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

beberapa kajian dapat memberi manfaat kepada Saudara Baru tentang kaedah yang boleh digunakan bagi mengatasi cabaran para Saudara Baru berkaitan hubungan dengan keluarga selepas memeluk agama Islam.

- 21) Kertas kerja bertajuk “Peranan Badan Kerajaan Dan NGO Dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Kita”, tulisan Abdullah Yusof dan Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran.<sup>66</sup> Tujuan kertas kerja ini ditulis adalah untuk membincangkan tinjauan yang dibuat ke atas badan-badan kerajaan yang berkaitan dengan urusan Saudara Baru dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Malaysian Chinese Muslim Ummah (MACMA), Angkatan Belia Islam Malaysia ( ABIM ) dan sebagainya. Tinjauan ini akan mengenalpasti bagaimana prosedur yang dilalui oleh Saudara Baru sebelum dan selepas memeluk agama Islam, bagaimana mereka tertarik kepada agama Islam sehingga sanggup meninggalkan agama asal dan juga kajian ini akan memperincikan cabaran dalaman dan cabaran luaran yang sering mereka hadapi dan termasuk juga oleh badan-badan dakwah khusus untuk Saudara Baru.

Penelitian telah dibuat ke atas badan-badan tertentu yang menguruskan hal ehwal Saudara Baru khususnya selepas pemelukan Islam termasuk di segi bimbingan, kelas dan bengkel tertentu untuk mendedahkan mereka dengan ilmu-ilmu Islam. Selain itu tinjauan juga dibuat untuk mengkaji sejauh mana berkesannya usaha-usaha dakwah yang dibuat oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO)

---

<sup>66</sup> Abdullah Yusof dan Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran (2010), “Peranan Badan Kerajaan Dan NGO Dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Kita”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

dalam mengatasi masalah-masalah serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Saudara Baru dalam proses pematapan pengetahuan Islam. Justeru itu selepas beberapa kajian dibuat beberapa saranan akan dibuat berhubung dengan tanggungjawab dan peranan yang dilakukan oleh badan-badab kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) berkaitan, agar para Saudara Baru kita diberi bimbingan ilmu Islam dan kekuatan roh dalam menghadapi masyarakat sebagai seorang penganut agama Islam yang beriman dan bertaqwa selaras dengan kehendak ajaran Islam.

- 22) Kertas Kerja bertajuk “Komuniti Cina Muslim Peranakan Kelantan: Isu Dan Cabaran Dalam Mengimarahkan Syiar Islam Di Bumi Serambi Mekah“, tulisan Mohd. Shahrul Imran Lim Abdullah dan Abdul Rahim Pui Abdullah.<sup>67</sup> Penulisan kertas kerja ini berkaitan dengan komuniti Cina Muslim peranakan Kelantan. Tujuan penulisan adalah untuk mengetahui dan mengkaji bagaimana komuniti ini menjalani penghidupan harian mereka dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Kertas kerja ini akan mengenalpasti bagaimana penghidupan Cina Muslim Peranakan Kelantan sebelum dan selepas pemeluk Islam. Selain itu tujuan penulisan kertas kerja ini juga untuk membincangkan isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh Saudara Baru terutama selepas memeluk agama Islam serta untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang pengalaman dan masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru kita.

---

<sup>67</sup> Mohd. Shahrul Imran Lim Abdullah dan Abdul Rahim Pui Abdullah (2010), “Komuniti Cina Muslim Peranakan Kelantan: Isu Dan Cabaran Dalam Mengimarahkan Syiar Islam Di Bumi Serambi Mekah“, *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



Penulisan kertas kerja ini diharapkan dapat dibincangkan dan mendapat perhatian daripada pelbagai pihak seperti badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO), masyarakat Islam setempat untuk memahami tanggungjawab bersama dalam melayani, membimbing serta sentiasa mendekati Saudara Baru untuk membantu mereka mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka selepas memeluk agama Islam.

Dan juga harapan penulis kertas kerja ini dapat menjadi sumber rujukan bagi para Saudara Baru dari kalangan Cina Muslim Peranakan Kelantan sendiri dalam menghadapi sebarang masalah atau cabaran hidup dengan tenang dan penuh beriman. Para Cina Muslim Peranakan Kelantan boleh menggunakan cadangan-cadangan dalam kertas kerja ini untuk mengatasi sebarang masalah dan cabaran yang bakal dihadapi oleh mereka dalam kehidupan harian mereka sebagai Saudara Baru.

- 23) Kertas bertajuk “Kajian-Kajian Mengenai Saudara Kita Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Satu Tinjauan Awal Literatur”, tulisan Mohd Nizam Sahad, Suhaila Abdullah, Ahmad Badri Abdullah dan Alzasha IIIiyin Zainal Alam.<sup>68</sup>

Menurut penulis kertas kerja ini terdapat banyak kajian telah dibuat mengenai Saudara Baru oleh para pengkaji kita diperingkat Sarjana Muda , Sarjana, Doktor

---

<sup>68</sup> Mohd Nizam Sahad, Suhaila Abdullah, Ahmad Badri Abdullah dan Alzasha IIIiyin Zainal Alam (2010), “Kajian-Kajian Mengenai Saudara Kita Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Satu Tinjauan Awal Literatur”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Falsafah dan geran penyelidikan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara kita. Antara kajian-kajian yang telah dibuat mengenai para Saudara Baru ialah mengenai masalah-masalah Saudara Baru sebelum dan selepas memeluk agama Islam, seperti masalah menghadiri kelas bimbingan agama yang diadakan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO), masalah penerimaan keluarga dan kawan-kawan sebagai seorang Islam, masalah kewangan, masalah di tempat kerja, aspek undang-undang berkaitan saudara kita, masalah yang dihadapi oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) yang mengelolakan hal ehwal Saudara Baru dan sebagainya.

Tujuan kertas kerja ini dibuat adalah untuk membincangkan kajian-kajian yang dibuat untuk menganalisis aspek-aspek yang menyentuh mengenai Saudara Baru oleh kajian-kajian lepas dan seterusnya data-data statistik yang disediakan mengenai aspek kajian, pengkaji dan sebagainya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sumber kepakaran yang terlatih atau pernah terlibat secara langsung dalam penyelidikan mengenai Saudara Baru. Kajian ini telah dijayakan dengan penggunaan metode perpustakaan di mana pengkaji telah meneliti sumber-sumber rujukan di perpustakaan dengan meneliti bahan-bahan latihan ilmiah, disertasi, tesis, jurnal dan laporan penyelidikan. Pencarian bahan akan dilakukan dengan bantuan sistem opac perpustakaan IPTA tersebut. Hasilnya kajian ini akan menyediakan data-data dan fakta pemudah bagi sesiapa yang ingin mengkaji apa-apa berkaitan dengan Saudara Baru. Di dalam kertas kerja ini juga terdapat

beberapa sorotan tulisan mengenai kajian-kajian lepas yang dibuat dalam bentuk tesis, disertasi dan latihan ilmiah oleh para pengkaji di IPTA.

- 24) Kertas kerja bertajuk “Isu-Isu Terpilih Dalam Hal Ehwal Mu’allaf Di Malaysia: Satu Analisis Dari Perspektif Fiqh Lestari”, tulisan Atikullah Hj. Abdullah.<sup>69</sup> Kertas kerja ini ditulis lebih kepada perbincangan mengenai bagaimana isu-isu mengenai Saudara Baru dilihat daripada perspektif fiqh lestari. Pada permulaan kertas kerja ini telah ditulis mengenai huraian berkaitan fiqh lestari sebagai satu konsep fiqh yang berteraskan prinsip-prinsip yang telah sedia ada hasil kefahaman dari sumber-sumber seperti yang telah ditunjukkan oleh para fuqaha awalan dahulu.

Dalam kertas kerja ini penulis menyentuh mengenai huraian ringkas konsep fiqh lestari, prinsip-prinsip kelestarian fiqh, takrif mualaf, pemberian zakat kepada mualaf, tempoh masa sebagai mualaf, pendekatan dakwah dan bimbingan kepada mualaf dan hubungan dengan mualaf.

- 25) Kertas bertajuk “Murtad Di Kalangan Mualaf Di Selangor: Penekanan Kepada Latihan Dan Bimbingan”, tulisan Mohamad Azam Mohamed Adil, Zaleha Kamaruddin, Sahari Nordin, Nik Ahmad Hisham, Hasan Bahrom, Fauziah Mohd

---

<sup>69</sup> Atikullah Abdullah (2010), “Isu-Isu Terpilih Dalam Hal Ehwal Mu’allaf Di Malaysia: Satu Analisis Dari Perspektif Fiqh Lestari”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Nor, Nurhani Salwa Jamaluddin, Juraish Kamaruddin.<sup>70</sup> Kertas kerja ini ditulis untuk membincangkan perbuatan murtad di kalangan Saudara Baru. Kertas kerja ini ditulis berdasarkan satu kajian di negeri Selangor mengenai kes-kes murtad. Penulis mendapati ramai Saudara Baru terutamanya di kalangan wanita telah memohon untuk keluar dari agama Islam. Selain Saudara Baru ada juga orang yang lahirnya dalam Islam memohon untuk keluar agama di mahkamah-mahkamah syariah. Golongan ini berbuat demikian kerana menghadapi pelbagai masalah selepas memeluk agama Islam. Masalah-masalah tersebut adalah seperti masalah kewangan yang kritikal, masalah keluarga, gagal dalam perkahwinan, lahir dalam keluarga Islam tetapi tidak mendapat bimbingan agama atau tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya dalam kehidupan seharian. Melalui kajian ini data-data permohonan diperolehi dianalisa dan beberapa cadangan dibuat untuk mengatasi masalah murtad di negeri Selangor. Di antara cadangan tersebut ialah seperti memberi latihan dan bimbingan kepada para mualaf berkaitan agama Islam untuk memantapkan fahaman dan pegangan diri terhadap agama Islam, memberi kursus sebelum memeluk Islam agar sesiapa yang ingin memeluk Islam faham mengenai agama Islam, hukum hakam Islam dan tanggungjawab yang harus ditunaikan sebagai seorang Muslim, kursus selepas Islam, latihan-latihan berkaitan agama Islam, rundingcara semasa memohon untuk keluar Islam dan lain-lain lagi

---

<sup>70</sup> Mohamed Azam Mohamad Adil, Zaleha Kamaruddin, Sahari Nordin, Nik Ahmad Hisham, Hasan Bahrom, Fauziah Mohd. Nor, Nurhani Salwa Jamaluddin, Juraish Kamaruddin (2010), "Murtad Di Kalangan Mualaf Di Selangor: Penekanan Kepada Latihan Dan Bimbingan", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

26) Kertas kerja bertajuk “Fenomena Penukaran Agama Melalui Jalinan Dialog Kehidupan: Kajian Kes Saudara Baru Di Sabah”, tulisan Suraya Sintang, Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali.<sup>71</sup> Penulisan kertas kerja ini adalah untuk memanjangkan hasil daripada kajian untuk dibincangkan perbuatan memeluk agama Islam daripada jalinan dialog kehidupan yang berlangsung dalam interaksi seharian antara orang Muslim dan bukan Muslim. Kajian ini memfokuskan kepada unsur- unsur dialog kehidupan berdasarkan pengalaman Saudara Baru pada peringkat awal pemeluk Islam. Didapati hasil daripada proses dialog kehidupan yang dibina melalui jalinan pertemuan, pergaulan dan tinggal bersama telah memupuk perkenalan secara lebih mendalam antara orang-orang bukan Muslim dengan orang-orang Muslim sehingga ada orang yang ingin memeluk Islam. Hasil kajian ini didapati melalui pengumpulan dengan mengadakan temubual dengan para Saudara Baru di Kota Kinabalu.

Apa yang dapat disimpulkan dari kesemua kertas kerja di atas, walaupun ada di antaranya yang mengemukakan perbincangan mengenai masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru dan jalan penyelesaiannya, namun kajian yang dilakukan oleh mereka tidak memfokuskan kepada Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara khusus. Mereka juga tidak memfokuskan permasalahan tersebut sebagaimana yang akan dilakukan oleh pengkaji dalam disertasi ini.

---

<sup>71</sup> Suraya Sintang, Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (2010), “Fenomena Penukaran Agama Melalui Jalinan Dialog Kehidupan: Kajian Kes Saudara Baru Di Sabah”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Manakala latihan ilmiah adalah seperti berikut:

- 1) Latihan ilmiah bertajuk “Pembangunan Saudara Baru: Satu Kajian Di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Negeri Kedah”, yang ditulis oleh Hafizah Binti Azmi bertempat Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 2004.<sup>72</sup>

Kajian ini dibuat berkaitan peranan PERKIM negeri Kedah dalam pembangunan Saudara Baru di negeri itu. Melalui kajian ini dapat dikenalpasti jenis program dan aktiviti yang dijalankan terhadap para Saudara Baru dan juga untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Kajian ini telah melibatkan sebanyak 18 orang responden perempuan yang berumur antara 33 hingga 37 tahun.

- 2) Latihan Ilmiah bertajuk “Masalah Penghayatan Agama Islam Di Kalangan Saudara Baru Di Sabak Bernam Selangor”, tulisan Juliana Binti Rojikin bertempat Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 2003.<sup>73</sup>

---

<sup>72</sup> Hafizah Binti Azmi (2004), “Pembangunan Saudara Baru: Satu Kajian Di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Negeri Kedah”, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>73</sup> Juliana Binti Rojikin (2003), “Masalah Penghayatan Agama Islam Di Kalangan Saudara Baru Di Sabak Bernam Selangor”, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Penulis telah membuat kajian ini berfokuskan kepada Saudara Baru di Sabak Bernam untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ini dalam menghayati ajaran Islam, mengkaji faktor-faktor pemmasalahan tersebut, serta menilai dan meneliti tahap pengetahuan, penghayatan dan pengamalan Islam dalam diri mereka. Seramai 14 orang Saudara Baru telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini di mana mereka semua sedang belajar agama Islam anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam.

Penulisan mengenai Saudara Baru bukanlah suatu perkara yang baru terutamanya di Malaysia. Terdapat banyak penulisan mengenai Saudara Baru telah dibuat di peringkat PHD, Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, dan di antaranya telah dibincangkan di atas. Terdapat banyak penulisan mengenai Saudara Baru ditulis dalam beberapa bentuk seperti penulisan buku, artikel, tesis, disertasi, kajian ilmiah, kertas kerja, buletin, majalah dan suratkhobar.

Namun begitu penulis mendapati tiada penulisan khusus yang telah dibuat untuk membincangkan permasalahan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh kerana itu penulis telah memilih tajuk Permasalahan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk dijadikan tajuk disertasi untuk menulis pelbagai masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta untuk memberi beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dilakukan ini adalah amat penting kepada pembangunan dan kebajikan para Saudara Baru dalam menghadapi realiti kehidupan di Malaysia. Ia bukan hanya akan dapat membantu Saudara Baru mengenalpasti masalah yang mereka hadapi, malah hasil kajian ini akan dapat membuka jalan kepada mereka untuk mengambil tindakan sewajarnya dalam menyelesaikan masalah mereka.

Di samping itu, apa yang lebih penting ialah kajian ini diharapkan dapat membantu pihak kerajaan terutama JAKIM dan PERKIM serta majlis agama dan jabatan agama dalam mengurus selia para Saudara Baru. Ia juga penting bagi membuka jalan kepada pihak kerajaan dan organisasi swasta dan juga pendakwah serta individu-individu tertentu dalam mencari jalan memberi pendidikan, panduan, nasihat, tunjuk ajar, bantuan ekonomi, kaunseling dan seumpamanya sebagai sokongan dan dokongan kepada para Saudara Baru yang baru sahaja beralih cara hidup, budaya, keyakinan, kefahaman dan lain-lainnya.

## **1.8 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Penulis telah mengenalpasti tiga metode yang akan digunakan untuk tujuan menjalankan kajian ini iaitu:

- i ) Metode penentuan subjek.



- ii ) Metode pengumpulan data yang merangkumi: Penyelidikan Perpustakaan iaitu dokumentasi; dan Penyelidikan Lapangan iaitu metode soal selidik, metode wawancara dan metode pemerhatian ikut serta.
  
- iii ) Metode analisis data.

Ketiga-tiga metode utama ini akan digunakan untuk tujuan pengumpulan data dan penganalisaan segala data yang dikumpul.

### **1.8.1 Metode Penentuan Subjek**

Metode ini akan digunakan untuk menentukan subjek yang digunakan sebagai contoh kepada kajian. Bidang kajian akan ditumpukan secara terperinci kepada permasalahan dan cabaran yang dialami oleh para Saudara Baru di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta faktor pemelukan mereka ke dalam ajaran Islam.

### **1.8.2 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data ini yang menyentuh Penyelidikan Perpustakaan menggunakan metode dokumentasi untuk tujuan mengumpul maklumat yang diperlukan berkaitan dengan Saudara Baru dengan mengkaji rekod-rekod di JAWI,

JAKIM Dan PERKIM dan agensi-agensi swasta yang lain. Pengumpulan data juga akan dilakukan menerusi media cetak dan media elektronik seperti:

Media cetak : Surat khabar, buletin, majalah, buku-buku dan risalah-  
risalah.

Media elektronik : Internet dan televisyen.

Penulis juga akan membuat penyelidikan di perpustakaan yang melibatkan beberapa buah perpustakaan utama di sekitar Lembah Kelang iaitu:

- i ) Perpustakaan Umum Universiti Malaya.
- ii ) Perpustakaan Negara
- iii ) Perpustakaan di Masjid
- iv ) Perpustakaan Zaaba.

Manakala metode pengumpulan data yang melibatkan Penyelidikan Lapangan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- i ) Metode soal selidik bagi mendapatkan data mengenai latarbelakang Saudara Baru merangkumi hal-hal pendidikan, pandangan dan sebagainya. Kajian dilakukan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan PERKIM.

- ii) Metode temubual yang dilakukan oleh pengkaji di sepanjang kajian ini dijalankan dengan berkunjung ke badan-badan kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan PERKIM serta agensi-agensi atau badan -badan swasta seperti MACMA dan ABIM, untuk bertemu dengan pegawai-pegawai yang berurusan dengan hal ehwal Saudara Baru bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, faktor pemelukan Saudara Baru ke ajaran Islam, permasalahan Saudara Baru serta pandangan-pandangan mereka mengenai kaedah penyelesaian terhadap permasalahan tersebut. Pegawai dan kakitangan yang berkaitan dipilih untuk sesi temubual kerana mereka lebih peka dan lebih mengetahui mengenai kehidupan Saudara Baru kerana golongan ini terlibat secara langsung dalam memberi pendidikan dan menjaga kebajikan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iii) Metode Pemerhatian dan ikut serta seperti memerhati proses pembelajaran Saudara Baru, melihat tatacara kehidupan harian mereka seperti pergaulan dengan orang ramai, cara berpakaian, pemakanan, ibadah dan sebagainya. Metode ini dijalankan dari masa ke semasa sepanjang tempoh kajian ini dilakukan. Hasil daripada metode pemerhatian dan ikut serta ini akan dicatatkan mengikut tarikh, tempat, masa serta nama individu atau kumpulan yang terlibat.

### 1.8.3 Metode Analisa data

a) Metode Induktif:

Menganalisa data-data mengenai Saudara Baru melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada para pembaca.

b) Metode Duktif

Satu kaedah membuat kesimpulan daripada kenyataan-kenyataan yang umum kepada kenyataan yang khusus. Metode ini pula akan mengkaji tentang kandungan ayat-ayat dalam Al-Qur'an dan Hadis berkenaan Saudara Baru.

c) Metode komparatif

Melalui metode ini, penulis akan membandingkan data-data yang diperolehi untuk menghasilkan satu rumusan yang jitu dan bersifat praktikal. Perbandingan ini adalah dibuat berdasarkan analisis terhadap maklumat yang diperoleh sebelum ini. Data-data juga akan diambil daripada penulisan terdahulu tentang Saudara Baru dan

pemasalahnya serta membantu penulis membuat kesimpulan.

## **1.9 SUSUNAN PENULISAN**

Untuk menjayakan penulisan disertasi ini di atas tajuk Permasalahan Saudara Baru Dan Penyelesaiannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pengkaji akan menulis sebanyak lima bab seperti berikut:

Bab Satu merupakan bab pendahuluan yang mengandungi latarbelakang mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Ia meliputi perbincangan tentang latarbelakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, pengertian tajuk, skop kajian, kepentingan penyelidikan dan metodologi penyelidikan.

Bab Dua membincangkan landasan teori kajian iaitu Saudara Baru dalam Islam. Perbincangan meliputi konsep Saudara Baru dalam Islam, faktor-faktor pemelukan Islam oleh Saudara Baru, metodologi dakwah kepada Saudara Baru serta kepentingan melaksanakan tanggungjawab terhadap Saudara Baru oleh beberapa pihak.

Manakala Bab Tiga pula mengemukakan perbincangan mengenai latarbelakang Saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan permasalahannya. Bab ini mengutarakan perbincangan terperinci tentang peranan pertubuhan kerajaan dan swasta Islam berkaitan Saudara Baru, data dan statistik Saudara Baru di Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur dan permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Baru melalui metode dokumentasi, temubual dan pemerhatian.

Sementara Bab Empat pula mengetengahkan analisis data terhadap dapatan kajian melalui soal selidik, temubual dan pemerhatian yang dikhususkan kepada para responden dan informan. Ia mengemukakan perbincangan mengenai sampel kajian dan hasil dapatan serta analisisnya, diikuti dengan cadangan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dan akhirnya ialah Bab lima yang merupakan bab penutup yang mengandungi kesimpulan dan cadangan.